

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan isi rumah yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan di kawasan petempatan Orang Asli.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Banci Orang Asli tahun 2010 peratusan isi rumah yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan di kawasan petempatan Orang Asli adalah sebanyak 31.16% atau 11,423 Ketua Isi Rumah (KIR).

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited dalam usaha untuk menaiktaraf kehidupan masyarakat Orang Asli agar keluar dari belenggu kemiskinan.

Sehubungan itu, Kementerian ini melalui JAKOA telah menyediakan satu Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (PESKOA) bagi Tahun 2016 – 2020, yang merupakan blue print sebagai asas rujukan kepada warga kerja JAKOA dalam tempoh lima tahun. PESKOA ini merupakan pelan pembangunan komprehensif yang mendokong aspirasi untuk melonjakkan pembangunan sosioekonomi dan kemajuan Orang Asli agar setanding dengan masyarakat arus perdana.

Bagi melaksanakan pembangunan secara inklusif PESKOA ini menggariskan tujuh (7) fokus yang meliputi aspek Pentadbiran Tanah, Kemudahan Prasarana, Modal Insan dan Kemahiran Belia, Ekonomi Mampan, Seni, Budaya dan Warisan, Jaringan Keselamatan (Kebajikan) dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan. Fokus-fokus tersebut disokong oleh 7 teras strategik dan 45 program yang disasarkan, dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diluluskan oleh kerajaan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam usaha untuk mengeluarkan masyarakat Orang Asli dari garis kemiskinan, PESKOA 2016-2020 terus memberi fokus terhadap Projek Tanaman Komersial getah dan sawit agar terus diperkasakan. Sehingga kini Jabatan Kemajuan Orang Asli dengan kerjasama Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 158 projek Tanaman Semula Komersial dengan keluasan 27,404.33 hektar. Projek tersebut telah memberi faedah kepada 8,817 peserta Orang Asli dengan nilai dividen sebanyak RM400 hingga RM1,000 sebulan bergantung kepada keluasan lading, bilangan peserta, prestasi ladang dan harga komoditi semasa. Matlamat akhir JAKOA adalah untuk menyerahkan ladang-ladang tersebut kepada peserta melalui koperasi Orang Asli. Selain itu juga, JAKOA turut melaksanakan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli itu sendiri, manakala bantuan input pertanian disediakan oleh JAKOA. Sehingga 31 Disember 2017, terdapat sebanyak 48 buah ladang dengan jumlah keluasan 2,832.92 hektar yang melibatkan 2,393 peserta Orang Asli.

Selain itu, pembangunan usahawan Orang Asli turut diberi keutamaan bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu berdikari dan berdaya saing dalam melonjakkan ekonomi dan pendapatan sejajar dengan matlamat untuk melahirkan 600 usahawan Orang Asli dalam tempoh RMKe-11. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 677 orang usahawan telah dibangunkan dan menerima bantuan yang disalurkan oleh JAKOA seperti premis perniagaan, peralatan perniagaan, kursus dan latihan keusahawanan dan koperasi.

Pelbagai program Kerajaan dilaksanakan melalui JAKOA serta KKLW antaranya seperti Program Bantuan Rumah (PBR), bantuan persekolahan pelajar secara percuma, pemberian basiswa penuh kepada semua pelajar Orang Asli yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam dan luar negara, pemberian bantuan geran usahawan Orang Asli dan kemudahan perubatan percuma dan serta bantuan peralatan perubatan di semua Hospital Kerajaan.

Pada masa ini, kualiti hidup masyarakat orang asli semakin baik berbanding dahulu. Semakin ramai pelajar orang asli yang menyambung pendidikan sehingga ke peringkat universiti sama ada di dalam atau di luar negara. Selain daripada itu juga, berdasarkan kepada program-program yang dirangka oleh JAKOA, kadar keciciran pelajar orang asli di peringkat sekolah rendah serta sekolah menengah juga dilihat menunjukkan penurunan yang memberangsangkan.

Selain daripada itu juga, Kementerian ini melalui JAKOA turut menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan masyarakat Orang Asli mengikuti kursus-kursus kemahiran asas MLVK (Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 & 2) serta Sijil Profesional Khas untuk menggilap bakat serta pengetahuan dalam bidang yang diminati bagi meningkatkan daya saing dalam pasaran pekerjaan melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan berpeluang memasuki pasaran pekerjaan dengan pendapatan di antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan. Bermula pada tahun 2011 hingga 2017, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM35.21 juta dengan melibatkan 4,332 pelatih Orang Asli.

Kerajaan juga turut mengiktiraf bakat semulajadi orang asli bagi berkhidmat di dalam perkhidmatan PDRM melalui Program Konstabel Polis Orang Asli (Senoi Praaq). Program ini dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara JAKOA dan PDRM mulai tahun 2013 dan sehingga kini melibatkan pengambilan seramai 321 konstabel Orang Asli.

Sekian, terima kasih.